



PRAKTIS PERKASA SPM 2024
JABATAN PELAJARAN NEGERI PAHANG

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA****3756/1****PRINSIP PERAKAUNAN****Kertas 1 / Set 1****1 1/4 jam****Satu jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**.
Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda
pada kertas jawapan objektif yang disediakan*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.
Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh
diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

- 1 Mengapakah Luca Pacioli digelar sebagai “Bapa Perakaunan” ?
 - A mencipta kaedah Venice
 - B memperkenalkan Perakaunan Kos
 - C menerbitkan pelbagai karya perakaunan
 - D memperkenalkan Sistem Catatan Bergu

- 2 Penyata Kewangan terdiri daripada
 - I Buku Tunai
 - II Buku Catatan Pertama
 - III Penyata Kedudukan Kewangan
 - IV Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 3 Perniagaan manakah yang menanggung liabiliti terhad ?
 - A Klinik Hijrah
 - B Pasar Segar Layang
 - C Syarikat Maju Jaya Berhad
 - D Kedai Buku Pustaka Seri Intan

- 4 Berikut adalah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik bagi Perniagaan Sri Medan pada 31 Disember 2023.

	RM
Simpanan tetap	20 000
Alatan pejabat	8 000
Kenderaan	15 000
Akaun Belum Terima	2 500
Akaun Belum Bayar	8 600
Inventori pada 31 Disember 2023	1 800
Bank	3 300

Berapakah aset semasa bagi perniagaan tersebut?

- A RM7 600
 - B RM13 700
 - C RM27 600
 - D RM43 000

- 5 Berikut merupakan kesan satu urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperoleh daripada Gading Homestay.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Tiada Kesan

Pernyataan manakah yang menunjukkan kesan urus niaga di atas?

- A Menerima sewa belum terima RM1 000 daripada penyewa.
- B Menjelaskan sewa belum bayar RM1 000 dengan tunai.
- C Menerima sewa RM1 000 daripada penyewa.
- D Menjelaskan sewa RM1 000 dengan tunai.

6 Antara berikut, pasangan manakah yang benar?

	Akaun Berkaitan	Catatan Kontra
I	Belian	Pulangan masuk
II	Jualan	Pulangan keluar
III	Akaun belum terima	Peruntukan hutang ragu
IV	Aset bukan semasa	Susut nilai terkumpul

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Aliran dokumen berikut berlaku dalam urus niaga secara tunai.

Pesanan Belian → Tunai → A

Apakah A?

- A Bil Tunai
- B Nota Kredit
- C Keratan Cek
- D Makluman Debit

8 Puan Melur seorang pembekal alat tulis telah menghantar barangan yang dipesan oleh pelanggan dengan nota serahan dan invoice. Selepas beberapa hari kemudian, beliau mendapati bahawa invoice tersebut terkurang caj.

Dokumen manakah yang perlu dihantar oleh Puan Melur kepada pelanggannya untuk membetulkan invoice tersebut?

- A Nota Debit
- B Nota Kredit
- C Makluman Debit
- D Makluman Kredit

9 Puan Rohana menghantar ringkasan urus niaga yang berlaku antara beliau dengan pembeli pada setiap bulan. Apakah dokumen yang dihantar oleh Puan Rohana?

- A Makluman Debit
- B Penyata Akaun
- C Nota Debit
- D Invoice

- 10 Pilih padanan fungsi Jurnal Khas dengan betul.

	Jurnal Khas	Fungsi
A	Jurnal Jualan	Merekod jualan barang niaga secara kredit
B	Jurnal Pulangan Keluar	Merekod pulangan barang niaga daripada pembeli
C	Jurnal Pulangan Masuk	Merekod pulangan barang niaga kepada pembekal
D	Jurnal Penerimaan Tunai	Merekod pembayaran belian barang niaga secara tunai sahaja

- 11 Jurnal Khas berikut diambil daripada Medifat Sdn. Bhd.

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2024		
Jul 6	Farmasi Sejahtera Sdn. Bhd	7 200
13	Farmasi Sejahtera Sdn. Bhd	300
31	Akaun Jualan	7 500

Apakah dokumen sumber untuk catatan Jurnal Khas di atas?

- I Invois (salinan)
- II Nota kredit
- III Invois (asal)
- IV Nota debit

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 12 Antara berikut, maklumat manakah boleh direkod ke dalam Buku Tunai Runcit?

- I Ambilan barang niaga RM40
- II Membeli dakwat pencetak RM50
- III Membayar pos bungkusan RM30
- IV Membayar upah pekerja RM300

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- 13 Pilih padanan yang betul.

	Akaun	Jenis Akaun	Baki
A	Kenderaan	Aset	Kredit
B	Gadai Janji	Liabiliti	Kredit
C	Sewa Diterima	Hasil	Debit
D	Diskaun Diberi	Belanja	Kredit

- 14 Pemilik Kedai Buku Hamzah membuat catatan bergu seperti berikut:

Pada 18 Februari 2024, Encik Hamzah telah mengeluarkan cek RM2 300 kepada Hanum Enterprise bagi menjelaskan hutangnya sebanyak RM2 400.

Catatan dalam Buku Tunai yang manakah tepat?

A Dt Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2024 Feb 18	Hanum Enterprise	100		2 300

B Dt Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2024 Feb 18	Hanum Enterprise			2 400

C Buku Tunai (petikan) **Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2024 Feb 18	Hanum Enterprise	100		2 300

D Buku Tunai (petikan) **Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2024 Feb 18	Hanum Enterprise			2 400

- 15 Urus niaga berikut berlaku dalam Perniagaan Ihsan.

Pulangan barang niaga RM300 daripada Koperasi Jaya Biru Bhd

	Debit	Kredit
A	Pulangan jualan	Koperasi Jaya Biru Bhd
B	Pulangan jualan	Perniagaan Ihsan
C	Perniagaan Ihsan	Pulangan jualan
D	Koperasi Jaya Biru Bhd	Pulangan jualan

- 16 Maklumat di bawah ini diambil daripada buku perakaunan Kedai Roti Din pada 31 Julai 2024:

	RM
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Julai 2024	6 370
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Julai 2024	4 350
Cek diterima daripada Akaun Belum Terima	5 300
Diskaun diberi	120
Jualan tunai	2 300
Hutang lapuk terpulih	300

Berapakah jumlah jualan Kedai Roti Din?

- A** RM3 400
B RM5 400
C RM5 700
D RM6 000

- 17 Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Jiwa

Imbangan Duga pada 30 Jun 2024		
	Debit	Kredit
P	2 320	
Q		504

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Akaun belum bayar	Akaun belum terima
B	Inventori awal	Faedah atas pinjaman
C	Jualan	Diskaun diberi
D	Angkutan keluar	Pulangan belian

- 18 Maklumat berikut merupakan analisis kad inventori Jimat Bisnez:

Jenis Barang	Baki awal (unit)	Masuk (unit)	Keluar (unit)	Harga Kos Seunit (RM)	Harga Pasaran Seunit (RM)
Kasut Nikki	25	100	40	60	85
Kasut Adis	30	130	50	70	90

Berapakah nilai inventori akhir?

- A** RM9 200
B RM12 300
C RM12 800
D RM17 125
- 19 Apakah item yang menambahkan kos belian?

- I** Angkutan keluar
II Angkutan masuk
III Pulangan jualan
IV Duti import

- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

- 20 Dalam catatan penutupan, alat tulis yang belum digunakan akan dipindahkan ke

- A** Penyata Kedudukan Kewangan
B Akaun Perdagangan
C Akaun Untung Rugi
D Akaun Bank

- 21 Berikut adalah aset dan liabiliti yang diperoleh daripada buku Perniagaan Nadirah:

	RM	
Alatan Pejabat	20 000	
Inventori akhir	3 600	
Akaun Belum Terima	10 880	
Bank	4 800	(kt)
Akaun Belum Bayar	3 760	

Hitung modal kerja pada 30 Jun 2024.

- A RM5 920
 B RM15 520
 C RM25 920
 D RM35 520
- 22 Apakah yang dimaksudkan dengan peruntukan hutang ragu?
- A Hutang lapuk dihapuskan
 B Hutang lapuk yang akan dikutip
 C Hutang yang dianggarkan tidak dapat dikutip
 D Hutang yang dikutip semula setelah dihapuskan
- 23 Maklumat yang berikut diambil daripada buku Perniagaan Seteguh.

2023

Jan. 1 Baki alatan pejabat RM 4 090

Sep 30 Beli alatan pejabat baharu secara tunai RM2 400

Maklumat Tambahan

Alatan pejabat disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Berapakah susut nilai alatan pejabat pada 31 Disember 2023?

- A RM409
 B RM469
 C RM489
 D RM649
- 24 Maklumat di bawah dipetik daripada Perniagaan Sufi mengenai mesin yang dimilikinya.

	RM
Mesin (kos)	96 000
Susut nilai terkumpul	28 800

Berapakah harga pelupusan mesin tersebut jika pemilik perniagaan mengalami rugi atas pelupusan berjumlah RM 14 300.

- A RM52 900
 B RM67 200
 C RM81 500
 D RM81 700

- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Elissa pada 31 Mei 2023.

	RM
Untung kasar	5 280
Gaji	1 300
Komisen diterima	450
Faedah simpanan tetap	380

Maklumat tambahan:

Gaji prabayar RM700.

Komisen belum terperoleh RM30.

Berapakah untung bersih yang akan dipindahkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A 5 720
 - B 5 110
 - C 4 810
 - D 4 080
- 26 Apakah fungsi kadar pusing ganti inventori?
- A Menghitung inventori purata.
 - B Menghitung baki inventori yang ada di stor.
 - C Membantu peniaga melakukan jualan penghabisan inventori.
 - D Mengukur berapa kali inventori perlu dibeli dalam masa setahun.

- 27 Maklumat yang berikut diambil daripada buku-buku Syarikat Ammar.

	RM
Jualan tunai	50 400
Jualan kredit	68 000
Belian kredit	48 000
Inventori purata	22 000
Kos jualan	60 900
Akaun belum terima	6 800
Akaun belum bayar	4 700
Modal pada 1 Januari 2024	110 000

Hitung tempoh kutipan hutang Syarikat Ammar.

- A 34 hari
- B 36 hari
- C 37 hari
- D 49 hari



- 28 Kesilapan berikut telah dikesan oleh kerani akaun Syarikat Sinar Seri.

Jualan sebanyak RM670 kepada Doonie telah dicatatkan ke dalam Akaun Doolie.

Apakah catatan lejar untuk membetulkan kesilapan tersebut?

A	Doonie	
	Doolie	Doonie
	RM 670	RM
B	Doolie	
	Doolie	Doonie
	RM	RM 670
C	Doonie	
	Doolie	Doonie
	RM 670	RM
D	Doonie	
	Doolie	Doonie
	RM 670	RM 670

- 29 Maklumat berikut menunjukkan baki yang diambil daripada buku Perniagaan Suria Enterprise pada akhir suatu tempoh perakaunan.

	RM
Aset	96 000
Liabiliti	34 290

Berapakah modal awal perniagaan jika perniagaan mengalami kerugian sebanyak RM12 500 ?

- A** RM49 210
B RM61 710
C RM62 960
D RM74 210

- 30 Maklumat komisen belum terperoleh Encik Razak seperti berikut.

	RM
1 Januari 2023	500
31 Disember 2023	340

Berapakah komisen diterima En. Razak untuk tahun 2023 jika nilai yang dibankkan sepanjang tempoh itu ialah RM6 230?

- A RM5 390
 - B RM6 070
 - C RM6 390
 - D RM7 070
- 31 Antara berikut, yang manakah **bukan** tujuan kawalan tunai dilaksanakan?
- A Memastikan perniagaan mempunyai tunai yang mencukupi.
 - B Mengurangkan risiko penyelewengan atau kehilangan wang.
 - C Memastikan penggunaan wang tunai yang optimum.
 - D Memastikan perniagaan menyimpan tunai yang banyak di tangan.
- 32 Item **X** direkodkan di sebelah debit Buku Tunai yang dikemaskinikan. Apakah item **X**?
- A Faedah atas simpanan
 - B Faedah atas overdraf
 - C Insurans
 - D Buku cek
- 33 Butiran manakah yang diambil kira dalam penyediaan Belanjawan tunai?
- I Susut nilai lengkapan
 - II Hutang lapuk terpulih
 - III Kadar bayaran
 - IV Insurans
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 34 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan sebuah perkongsian.

	RM
Jumlah aset	65 000
Jumlah liabiliti	11 980

Semasa pembubaran, semua aset telah dijual pada harga RM60 300. Kos pembubaran RM1 650 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah untung atau rugi realisasi perniagaan tersebut?

- A Untung RM6 350
- B Rugi RM6 350
- C Untung RM5630
- D Rugi RM5 630

35 Catatan manakah yang betul dalam Akaun Semasa pekongsi?

A Akaun Semasa Pekongsi			
	RM		RM
Faedah atas modal	960	Ambilan	1230
		Faedah atas Ambilan	450

B Akaun Semasa Pekongsi			
	RM		RM
Ambilan	1230	Faedah atas modal	960
Faedah atas Ambilan	450		

C Akaun Semasa Pekongsi			
	RM		RM
Ambilan	1230	Faedah atas modal	960
		Faedah atas Ambilan	450

D Akaun Semasa Pekongsi			
	RM		RM
Faedah atas modal	960	Ambilan	1230
		Faedah atas Ambilan	450

36 Maklumat yang berikut berkaitan syer yang dimiliki oleh Encik Chong. Pada 31 Januari 2023, Encik Chong telah membeli 30 000 unit 6% syer keutamaan RM2 sesyer. Dividen interim telah dibayar pada 31 Julai 2023. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap 31 Disember.

Berapakah dividen akhir?

- A** RM1 500
- B** RM1 800
- C** RM2 100
- D** RM3 600

- 37 Syarikat Ezra Sdn. Bhd. menerbitkan 400 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1 sesyer pada 1 Januari 2023.

Pada 1 Oktober 2023 pula, syarikat tersebut ingin mendapatkan modal tambahan dan telah menerbitkan 200 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM3 sesyer dan 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM2 sesyer.

Bagaimanakah catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Ezra Sdn. Bhd.?

A	Ekuiti Pemilik	
	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	RM
	400 000 unit 8% Syer Keutamaan	800 000
	1 000 000 unit Syer Biasa	1 000 000
		<u>1 800 000</u>

B	Ekuiti Pemilik	
	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	RM
	200 000 unit 8% Syer Keutamaan	600 000
	500 000 unit Syer Biasa	1 000 000
		<u>1 600 000</u>

C	Ekuiti Pemilik	
	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	RM
	600 000 unit 8% Syer Keutamaan	1 400 000
	1 500 000 unit Syer Biasa	2 000 000
		<u>3 400 000</u>

D	Ekuiti Pemilik	
	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	RM
	600 000 unit 8% Syer Keutamaan	1 800 000
	1 500 000 unit Syer Biasa	3 000 000
		<u>4 800 000</u>

- 38 Apakah tujuan Akaun Penerimaan dan Pembayaran disediakan?

- A** Untuk menghitung lebih pendapatan.
- B** Untuk menghitung pendapatan yuran.
- C** Untuk menghitung pendapatan modal.
- D** Untuk menghitung baki akhir bank.

- 39 Kelab Tennis Gelora mempunyai mempunyai 100 orang ahli. Pada 1 Januari 2023, baki-baki berikut telah diperoleh daripada buku kelab tersebut.

	RM
Yuran belum terima	3 040
Yuran belum terperoleh	2 000

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, kelab ini menerima yuran sebanyak RM22 000. Jumlah ini termasuk RM600 yang diterima bagi tahun 2024.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima pada tahun 2023?

- A** RM18 960
 - B** RM19 560
 - C** RM19 760
 - D** RM20 360
- 40 Butir manakah yang perlu direkodkan dalam Akaun Pengeluaran sesebuah firma pembuatan?
- A** Belanja alat-alat kecil
 - B** Gaji kerani pejabat
 - C** Komisen jurujual
 - D** Hutang lapuk

KERTAS SOALAN TAMAT